



KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 4 TAHUN 2004

IMBUHAN TAHUNAN DAN BAYARAN KHAS PRESTASI 2004

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan melaksanakan keputusan Kerajaan untuk memberi Imbuan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan bagi tahun 2004.

LATAR BELAKANG

2. Kerajaan telah membuat keputusan supaya Imbuan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi bagi tahun 2004 dibayar kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan sebagai tanda penghargaan di atas sumbangan dan jasa mereka dalam mencapai matlamat pembangunan negara. Kadar Imbuan Tahunan yang diputuskan bagi pegawai yang bergaji sehingga RM1000.00 sebulan adalah sebanyak **satu setengah bulan gaji** manakala bagi pegawai yang bergaji melebihi RM1000.00 sebulan dan ke atas adalah sebanyak **satu bulan gaji** atau **minimum RM1,500.00**.

Kadar Bayaran Khas Prestasi bagi pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan setaraf adalah sebanyak **satu bulan gaji**.

PELAKSANAAN

Pegawai Yang Layak

3. Imbuan Tahunan dibayar kepada pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Sokongan iaitu pegawai tetap, sementara, sangkut, sambilan, kontrak dan guru sandaran. Bayaran Khas Prestasi pula dibayar kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan setaraf iaitu pegawai tetap, kontrak dan pegawai yang dipinjamkan. Imbuan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi ini dibayar kepada pegawai yang berkhidmat pada tahun 2004.

4. Pegawai lain yang layak adalah seperti berikut:

- a. pegawai yang bercuti separuh gaji termasuk cuti belajar;
- b. pegawai yang dikenakan hukuman tatatertib seperti berikut:
 - (i) amaran untuk pegawai awam;
 - (ii) amaran atau amaran keras untuk anggota Angkatan Tentera Malaysia; dan
 - (iii) amaran untuk Pegawai Kanan Polis, Polis DiRaja Malaysia dan celaan atau celaan keras untuk Pegawai Rendah Polis dan Konstabel serta Konstabel Tambahan;
- c. pemandu yang dilantik oleh pegawai Jawatan Utama 'B' dan ke atas serta Gred Khas 'A' yang layak pemandu tetapi tidak disediakan pemandu oleh jabatannya; dan
- d. pegawai kontrak yang putus perkhidmatannya selama satu hari sebelum disambung semula perkhidmatan kontraknya.

Pegawai Yang Tidak Layak

5. Pegawai yang tidak layak adalah seperti berikut:

- a. pegawai yang mengambil cuti tanpa gaji sepanjang tahun 2004;
- b. pegawai yang dikenakan hukuman tatatertib selain daripada hukuman-hukuman yang dinyatakan di perenggan 4 b(i), (ii) dan (iii);
- c. pegawai yang berkhidmat di agensi yang diasingkan pengurusan saraannya;
- d. pegawai yang dipinjamkan ke badan-badan antarabangsa dan syarikat swasta sepanjang tahun 2004; dan
- e. pegawai yang ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam atau dibersarakan atas kepentingan perkhidmatan awam dalam tahun 2004.

Pegawai Yang Ditangguhkan Pemberian Imbuan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi

6. Pegawai yang ditahan kerja, digantung kerja atau surat pertuduhan telah dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib, ditangguhkan pemberian Imbuan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi. Pegawai hanya layak dibayar Imbuan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi sekiranya Pihak Berkuasa Tatatertib mendapati pegawai tersebut tidak bersalah atau pegawai hanya dikenakan hukuman tatatertib seperti yang dinyatakan di perenggan 4 b(i), (ii) dan (iii).

Kaedah Pembayaran

7. Bayaran Imbuan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi 2004 dibuat berdasarkan gaji bulan Oktober 2004.

8. Pegawai yang layak akan dibayar sebanyak separuh daripada kadar Imbuan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi 2004 pada bulan Oktober dan separuh lagi pada bulan Disember 2004.

9. Bagi tujuan pembayaran Imbuan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi, maksud gaji pegawai adalah termasuk juga perkara-perkara berikut:

- a. Elaun Pemangkuan bagi pegawai yang memangku; dan

- b. gaji yang diberi atas sebab pinjaman/pertukaran sementara.
10. Pegawai yang bersara/meninggal dunia/letak jawatan/tamat perkhidmatan/tamat kontrak, tempoh perkiraan Imbuan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi secara *proportionate* adalah mengikut genap satu bulan perkhidmatan berdasarkan gaji akhir yang diterima.
11. Tempoh pegawai tidak dibayar gaji sepanjang sesuatu bulan tidak diambil kira dalam perkiraan Imbuan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi. Bagi pegawai yang bercuti tanpa gaji, tempoh perkiraan secara *proportionate* adalah mengikut genap satu bulan perkhidmatan.
12. Pegawai yang berkhidmat dan bersara dalam tahun 2004 yang dilantik semula sebagai pegawai sementara atau pegawai kontrak, dibayar secara *proportionate* berdasarkan kepada gaji akhir yang diterima sebelum bersara dan gaji atas jawatan sementara atau kontrak.
13. Pegawai yang dinaikkan pangkat/dipinjamkan/ditukar sementara atau bertukar skim perkhidmatan selepas 1 haribulan pada sesuatu bulan, perkiraan Imbuan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi bagi bulan itu dan tempoh sebelumnya hendaklah dibuat secara *proportionate* berdasarkan gaji jawatan lama. Bagi tempoh selepas bulan berkenaan perkiraan hendaklah dibuat secara *proportionate* berdasarkan gaji jawatan baru.
14. Bagi pegawai sambilan, perkiraan genap satu bulan perkhidmatan adalah dengan syarat mereka bekerja tidak kurang daripada 21 hari dalam sebulan. Sekiranya bilangan hari bekerja sebanyak 21 hari tidak dapat dipenuhi bagi sesebuah negeri dalam sesuatu bulan, perkiraan adalah berdasarkan hari bekerja tertinggi dalam bulan berkenaan.
15. Imbuan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi ini tidak boleh diselaraskan jika berlaku pelarasan gaji selepas tahun ini yang melibatkan pindaan gaji pegawai tahun 2004.

JABATAN YANG MEMBAYAR

16. Pembayaran ini adalah menjadi tanggungan jabatan di mana pegawai ditempatkan pada bulan pembayaran.


TARIKH KUATKUASA

17. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuatkuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

PEMAKAIAN

18. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(TAN SRI JAMALUDDIN BIN HAJI AHMAD DAMANHURI)

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

16 September 2004

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y. B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan